



Menarik hari ini

KOMUNITI

Waktu Solat

Laporan Cuaca

BERITA

Berita Utama

Dalam Negeri

Wilayah

Laporan Khas

Parlimen

Politik

Luar Negara

Sukan

Bisnes

Mahkamah

Jenayah

KOLUMNIS



CUIT

ZAINI HASSAN



SELEK

HASSAN MOHD NOOR

GAYA HIDUP

Agama

Keluarga

Hiburan

Rancangan TV

Feminin

Pendidikan

Sains & Teknologi

Agro

Kesihatan

S3

Polis & Tentera

Like Send

Be the first of your friends to like this.

# Ramai tidak bayar cukai

## FATCA for Legal Entities

www.cgs.computershare.com/FATCA

Leverage our GEMS solution to track your entities FATCA compliance.

KOTA BHARU 13 Jun - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mendapati tahap kesedaran orang ramai terhadap tanggungjawab membayar cukai kepada lembaga itu masih kurang memuaskan.

Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan) LHDN Datuk Dr. Siti Mariam Che Ayub berkata, ini disebabkan ramai di antara mereka terutama di kawasan luar bandar tidak mempunyai kemahiran dalam penyimpanan akaun bagi membolehkan membuat pembayaran mengikut peraturan sebagaimana ditetapkan di bawah akta lembaga itu.

Katanya, LHDN akan terus meningkatkan gerakan kesedaran di kalangan orang ramai, terutama individu dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai.

"Di antara gerakan itu ialah mengadakan Ops Mesra Hasil di seluruh negara dengan menumpukan di kawasan sasaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ops Mesra Hasil peringkat Nasional Siri 2/2012, di sini hari ini.

Dr. Siti Mariam berkata, sempena operasi selama tiga hari di Kelantan mulai hari ini, pihaknya mensasarkan serahan notis tuntutan hasil sebanyak 354 kes melibatkan jumlah tunggakan RM15.90 juta, merangkumi 295 kes individu dan 59 syarikat.

Katanya, operasi yang diadakan setiap tahun itu untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan secara sukarela di kalangan pembayar cukai dan mengurangkan jumlah tunggakan hasil.

Selain itu ia juga bagi membantu meningkatkan kutipan cukai dan membesarkan asas cukai serta menambah bilangan pembayar cukai baru.

Beliau berkata, antara aktiviti yang dijalankan semasa Ops Hasil selama tiga hari itu ialah menyerahkan notis tunggakan hasil dan saman, lawatan banci bisnes untuk membuat banciaan sama ada pemilik perniagaan sudah mendaftar sebagai pembayar cukai atau belum dan memberi pendidikan cukai melalui penyebaran risalah di premis perniagaan yang dilawati.

Katanya, pihaknya sedia membantu dengan memberi khidmat nasihat kepada pembayar cukai yang tidak memahami mengenai akaun bagi memudahkan mereka membuat pembayaran.

"Kebanyakan peniaga yang layak membayar sebagai pembayar cukai tidak membuat rekod penyimpanan perniagaan yang kemas menyebabkan mereka gagal membuat pembayaran mengikut peraturan," katanya. - BERNAMA

曼谷找酒店?

Volkswagen Malaysia

Pelaburan dalam Bursa

www.Plus500.com.my/Malaysia

Saham, Forex, Minyak, Indeks, Emas. Sebut harga masa nyata. Bonus RM50!

FxPro Forex Trading

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- Kalimah Allah: Jangan sampai berpecah - Ahmad Zahid
- Jangan percaya swasta tawar visa haji - Jamil Khir

Klik untuk waktu solat kawasan lain



IKLAN@UTUSAN

MASHolidays

**BOOK NOW TO ENJOY THE BEST DEALS.**

Pick any of our packages to get the best value out of your holidays. But hurry, our offer is for a limited time only.

**Book now**

Checked baggage allowance for our guests on Economy Class is 30kg.

MASHolidays is the four operating arm of Malaysia Airlines.

Recent Activity

Log In Log in to Facebook to see your friends' are doing.

Utusan Bursa saham kekal kukuh tengah hari  
One person recommends this.

41 people recommend this.

249 people recommend this.

28 people recommend this.

Facebook social plugin

BANCIAN ONLINE

Adakah anda sokong tindakan polis menembak penjenayah yang bersenjata berbahaya?

- Amat sokong
- Memang sokong
- Tengok kes
- Tidak sokong
- Tiada komen

Undi

Lihat Keputusan